

# UKSB lancar majalah *Iman*

KUALA LUMPUR 29 April - Utusan Karya Sdn. Bhd. (UKSB) hari ini melancarkan majalah berkonsepkan keagamaan berjudul *Iman*.

Majalah yang mengandungi 18 kolumn dengan pengisian oleh pakar pelbagai bidang keagamaan itu mampu menarik minat pembaca dalam lingkungan umur 20 hingga 60 tahun.

Menurut Pengarangnya, Noorzila Jamaludin, majalah santai berinformasi itu padat dengan nasihat dan peringatan, dipersembahkan dalam bentuk lebih segar bagi memudahkan pembaca memahaminya supaya mereka tidak tertekan dengan pelbagai hukum-hakam.

"*Iman* telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pembaca sejak ia berada di pasaran pertengahan Mac lalu.

"Ini kerana majalah istimewa ini memberi penekanan nilai-nilai agama serta pembinaan sahsiah diri dan keluarga yang disampaikan menerusi nasihat, bimbingan, peringatan dan motivasi serta menyentuh pelbagai bidang ilmu seperti akidah, al-Quran dan hadis, perbandingan agama serta sains daripada perspek-

tif Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran majalah itu sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Pelancaran itu disempurnakan Pakar Oftalmologi yang juga kolumnis majalah *Iman*, Prof. Dr. Muhyaya Mohamad.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Nasir Ali; Ketua Pengarang UKSB, Badrul Azhar Rahman dan Pengurus Besar Operasi UKSB, Zurzaliza Bajuri.

Selain Muhyaya, antara kolumnis tersohor majalah itu ialah tokoh agama, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz yang menulis menerusi kolumn Bicara serta Pensyarah Institut Penyelidikan Matematik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail menerusi kolumn Catatan.

Selain mampu memenuhi keperluan rohani pembaca, majalah berhalaman 84 muka surat itu boleh dimiliki oleh setiap keluarga Islam di negara ini dengan harga hanya RM7.



DR. Muhyaya Mohamad (tengah) sambil disaksikan Badrul Azhar Rahman (kiri), Mohd. Nasir Ali (dua dari kiri), Zurzaliza Bajuri (dua dari kanan) dan Noorzila Jamaludin (kanan) pada pelancaran majalah *Iman* sempena Pesta Buku Antarabangsa 2012 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.